

Mahathir tegur Najib, badai 2007-2009 bakal berulang
Harakah Daily
21 Ogos 2014
Oleh Wan Nordin Wan Yaacob

KRISIS menggantikan Menteri Besar Selangor masuk kepada fasa akhir, sama ada ianya bakal berakhir dengan pembubaran Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor atau sebaliknya Istana menerima cadangan Pakatan Rakyat menamakan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail untuk menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Proses panjang yang berlarutan sejak pertengahan Ramadan, malahan sebelum ini bermula di Langkah Kajang dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang nampak seakan sudah sampai ke hujungnya.

Biar apapun yang berlaku, Pakatan Rakyat kembali duduk dalam saf yang mulai stabil untuk berdepan Umno-BN yang sebelum ini cukup seronok meneropong sebarang percaturan di Selangor.

Harapan mereka adalah perlunya Pakatan Rakyat berpecah. Tidak sampai hajat itu, kini rumah tangga Umno pula berantakan. Tun Dr Mahathir Mohamed melayangkan semula serangan terhadap Presiden Umno, Dato' Seri Najib Tun Razak.

Sambil menyifatkan pentadbiran Najib sebagai terlalu berlembut, kritikan Mahathir dengan pantas disahut pihak yang tidak sebulu dengan Najib.

Antaranya Ketua Umno Cheras, Datuk Syed Ali Al-Habshee mempertahankan kenyataan Mahathir dan menyokong teguran ikhlas itu.

Lebih teruk daripada Abdullah

Mahathir dalam satu tulisan di blognya menyebut bahawa beliau menarik balik sokongan kepada Najib selepas melihat prestasinya lebih buruk berbanding Tun Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini.

Mahathir berkata, beliau tidak sangka pencapaian Najib dalam pilihan raya umum lalu lebih buruk berbanding Abdullah dan "dasar dan tindakannya juga tidak lebih berkesan? berbanding pendahulunya itu.

"Harapan saya Datuk Seri Najib akan mengambil ikhtiar dari prestasinya yang buruk dalam pilihan raya umum ke-13," katanya.

"Malangnya sehingga kini tidak ternampak apa-apa perubahan dari segi dasar atau pendekatan walaupun saya cuba menyampaikan pendapat saya, (yang juga pendapat ramai yang datang bertemu saya) secara langsung kepada Datuk Seri Najib."

Justeru, Mahathir berkata, beliau tiada pilihan selain menarik balik sokongan dan menegur pemimpin itu.

Mahathir antaranya mengkritik tindakan Najib 'melayan tuntutan musuh' dengan

memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), bersikap rendah diri kepada negara jiran serta memberikan layanan tidak saksama terhadap kaum dan parti yang menyelamatkan kerajaan.

Bekas perdana menteri juga mengkritik penggunaan wang kerajaan untuk mempengaruhi sokongan dalam pilihan raya, pengabaian industri tempatan, pertambahan cuti dan kenaikan gaji minimum.

Bagi Mahathir banyak dasar, pendekatan dan perbuatan kerajaan pimpinan Najib yang merosakkan hubungan antara kaum, merosakkan ekonomi dan kewangan negara.

Mahathir sendiri sanggup menerima kesan akibat menegur pemimpin nombor satu negara itu.

Melihat perkembangan ini, Ketua Pemuda PAS Malaysia, Suhaizan Kaiat berpendirian bahawa setelah Najib gagal pecahkan PAS daripada Pakatan Rakyat dengan menggunakan proksi-proksinya maka Najib terpaksa berdepan dengan percahan dalaman Umno.

Mahathir akan heret 'pertembungan' hingga berjaya

Dalam banyak pertembungan (dalaman Umno) yang membabitkan bekas Presiden Umno itu, secara umumnya Mahathir akan menang dan dalaman Umno berpecah.

Lihat sahaja semasa Mahathir menyerang Abdullah Ahmad Badawi berikutan kerajaan ketika itu terlalu dikuasai oleh pentadbiran 'tingkat 4', Mahathir menggunakan semua saluran pengaruhnya bagi memastikan Abdullah 'rebah'.

Satu persatu isu membabitkan pentadbiran lemah Abdullah didedah Mahathir dan hingga menyebut bahawa tiada Perdana Menteri selepas Abdullah. Kritikan menjurus kepada menantunya, Khairy Jamaluddin yang kini menerajui Menteri Belia dan Sukan.

Kini Mahathir membuka gelanggang baharu dengan menyifatkan pula Najib lebih lemah daripada Abdullah, maka bagi Suhaizan anak muda sendiri melihat bahawa masa depan Najib cukup suram.

Dalam keadaan ini pastinya Najib serba salah antara mengikut kata Mahathir atau melaksanakan dasar transformasinya yang mengundang kritikan bekas Perdana Menteri itu (Mahathir).

"Selepas ujian berat di negeri Selangor Pakatan Rakyat akan lebih kuat. Lebih kuat berbanding sebelum ini. Kekuatan pakatan ini bakal merempuh Najib," kata Suhaizan.

Dalam keadaan sekarang, Najib sebenarnya cukup tertekan. Jangka masa tiga tahun hadapan menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 cukup singkat baginya.

Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) sudah tidak menjadi umpan untuk rakyat, masyarakat Cina kekal marah pada Najib dan Umno, masyarakat Melayu semakin tidak tahan dengan kenaikan harga barang, masalah negara terlalu banyak.

Dengan tekanan Mahathir yang semakin kuat terhadap Najib, maka bila-bila masa sahaja Najib boleh diserang secara dalaman mahupun luaran oleh musuh Umno dan anggota Umno sendiri.

Keupayaan Mahathir menghadirkan gelombang dan badai menentang seperti pada tahun 2007 hingga 2009 yang menyebabkan Abdullah jatuh boleh berulang kembali.

Anak muda kembali minat dan akan sentiasa memerhati perkembangan ini selepas berantakan sebentar di Selangor hampir ke penghujungnya. Mahathir memulakan langkah, pastinya beliau akan terus memacu langkah hingga Najib kelemasan. -

HARAKHDAILY 21/8/2014

Copyright © 2014 Harakah. Hak Cipta Terpelihara.

Source: <http://www.harakahdaily.net/index.php/headline/30327-mahathir-tegur-najib-badai-2007-2009-bakal-berulang>